



15 AUG, 2024

Berdepan hukuman gantung

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Oleh Samadi Ahmad
 am@hmetro.com.my

Sepang

Seorang warga tempatan berdepan hukuman gantung sampai mati selepas ditahan kerana cuba menyeludup 15.3 kilogram (kg) ganja bernilai RM55,530 yang diikrarkan sebagai sarang burung di Balai Ketibaan Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), 4 Ogos lalu.

Individu terbabit ditahan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebaik tiba dari Bangkok, Thailand, jam 2.15 pagi.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah Norlela Ismail berkata, terdahulu, hasil imbasan ke atas bagasi dibawa individu terbabit menemukan objek dicurigai.

"Ketika pemeriksaan, penumpang itu menyatakan yang dia membawa sarang burung sebelum pemeriksaan menemukan 27 bungkus mengandungi ganja dalam bagasi terbabit.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Da-



NORLELA (tiga dari kiri) pada sidang media di KLIA, semalam.- Gambar NSTP/ SAMADI AHMAD

Berdepan hukuman gantung

Cubaan seludup ganja 15.3kg

dah Berbahaya 1952, sabit kesalahan antara boleh dijatuhi hukuman gantung

sampai mati," katanya di pejabat JKDM KLIA, di sini, semalam.

Pada masa sama, menurut beliau, JKDM juga berjaya mematahkan satu lagi cubaan menyeludup sarang burung bernilai RM1.57 juta dari negara jiran, 31 Julai lalu.

"Hasil maklumat, kami memeriksa sebuah gudang di Zon Perdagangan Bebas (FCZ) Kargo KLIA, jam 6.15 petang, sebelum merampas sembilan guni sarang burung seberat 196kg.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1957, sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang 10 kali ganda nilai barangan itu," katanya.



15 AUG, 2024

Berdepan hukuman gantung

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

S epang Seorang warga tempatan berdepan hukuman gantung sampai mati selepas ditahan kerana cuba menyeludup 15.3 kilogram (kg) ganja bernilai RM55,530 yang diikrarkan sebagai sarang burung di Balai Ketibaan Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), 4 Ogos lalu.Individu terbabit ditahan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebaik tiba dari Bangkok, Thailand, jam 2.15 pagi.